TARBIYAH PENGASAS SIRI 29
23 FEBRUARI 2021

# EMPAT KECUKUPAN

**Prof Dr Muhammad Syukri Salleh**
*Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)*
*Universiti Sains Malaysia*

# KECUKUPAN HIDUP BIASA

**1**



Pelajaran

**2**




Pekerjaan

**3**



Perkahwinan

**4**



Kekeluargaan

- ❑ **Ini semua urusan dunia**
- ❑ **Sebagai Muslim, urusan dunia kena berlandaskan agama**
- ❑ **Oleh itu, urusan dunia = urusan agama**
- ❑ **Tapi cukupkah 4 perkara di atas untuk urusan dunia dan agama?**

## JAWAPANNYA









- ❑ Keempat-empat perkara ini tergolong dalam REZEKI
- ❑ Tetapi, berdasarkan Hadith riwayat Ibnu Majah No: 3835, ada 3 lagi yang kurang untuk cukupkan urusan dunia dan agama:

    1. Keampunan Allah
    2. Rahmat Allah
    3. Kesihatan

## DOA YANG MENCUKUPI UNTUK URUSAN AGAMA DAN DUNIA

حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ أَنْبَأَنَا أَبُو مَالِكٍ سَعْدُ بْنُ طَارِقٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ أَتَاهُ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ أَقُولُ حِينَ أَسْأَلُ رَبِّي قَالَ قُلْ **اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَعَافِنِي وَارْزُقْنِي** وَجَمَعَ أَصَابِعَهُ الْأَرْبَعَ إِلَّا الْإِبْهَامَ فَإِنَّ هَؤُلَاءِ يَجْمَعْنَ لَكَ دِينَكَ وَدُنْيَاكَ

Telah menceritakan kepada kami Yazid bin Harun telah memberitakan kepada kami Abu Malik Sa'd bin Thariq dari ayahnya bahawa dia mendengar Nabi SAW telah di kunjungi oleh seseorang laki-laki sambil bertanya; "Wahai Rasulullah, apa yang harus diucapkan ketika aku memohon kepada Rabbku?" Baginda menjawab: "Ucapkanlah: **Ya Allah, ampunilah aku, kasihanilah aku, berikanlah aku keafiatan dan berilah aku rezeki.**" Kemudian Baginda merapatkan keempat jari tangannya selain ibu jari: "**Sesungguhnya kalimat-kalimat tersebut akan mencukup bagimu agamamu dan duniamu**." (HR Ibnu Majah No: 3835)

# KEAMPUNAN ALLAH

1
- Kita orang berdosa
- Nikmat besar bila Allah ampun
- Keampunan Allah kunci segala kejayaan dan kemenangan

2 **"Sesungguhnya hamba, jika dia mengakui dosanya dan kemudian dia bertaubat, nescaya Allah S.W.T. menerima taubatnya."** – HR al-Bukhari (2661)

3
- **ISDEV telah berusaha tentang ini.**
- **Bila ada masalah, solat taubat**

4 **Tanda taubat diterima** (Abu al-Laith al-Samarqandi - *Tanbih al-Ghafilin,* hal. 109*)*:

1. Dapat **mengawal lidahnya** daripada berkata dusta, ghibah dan kata-kata yang tidak penting baginya.
2. Sudah **tidak ada rasa hasad, dengki, iri hati** terhadap semua manusia.
3. **Menjauhi rakan taulan yang jahat.**
4. Sentiasa **bersiap sedia menghadapi mati** dan selalu **beristighfar** menyesali dosa-dosanya yang lalu serta bersungguh-sungguh dalam **melakukan ibadah** kepada Tuhannya.

# RAHMAT ALLAH

Bersandar Kepada

## 1 Makna

Belas kasihan Allah
Kurniaan Allah
Kebaikan Allah
Nikmat Allah
Hadiah Allah
Berkat

## 2 Sifat Mereka Yang Dikurniakan Rahmat Allah

1. Tolong menolong
2. Menyuruh/mengerja makruf
3. Mencegah munkar
4. Mendirikan solat
5. Menunaikan zakat
6. Taat kepada Allah dan Rasul

## 3 At-Taubah 9:71

**At-Taubah 9:71** Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan shalat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

## 4

- ❑ **Cuba hidupkan sifat-sifat di atas**
- ❑ **Tabung Wakaf & Tabung ISDEV antara alatnya**
- ❑ **Paling tidak tolong dengan doa & solat hajat**
- ❑ **Sekarang tolong Dr Azuar dengan wang ringgit**

## 5 Tanda Mendapat Rahmat

- ❑ Terasa ringan seakan tanpa beban
- ❑ Fikiran menjadi terang
- ❑ Jiwa menjadi lapang

# KESIHATAN

## 1 Dua Nikmat Yang Sering Dilupakan

1. Kesihatan
2. Waktu lapang

Daripada Ibnu Abbas RA dia berkata: Nabi SAW bersabda: "Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang."  (HR Bukhari No: 5933) Status: Hadis Sahih

## 3 Tindakan bila dapat kesihatan dan waktu lapang

**Ibnu Baththol** berkata,  barangsiapa memiliki dua nikmat ini (waktu lapang dan nikmat sihat), hendaklah ia **mensyukurinya** dengan **melaksanakan segala perintah** dan **menjauhi setiap larangan** Allah. Barangsiapa yang tidak bersyukur, maka dialah orang yang tertipu.

## 2

- **Ini yang belum betul-betul dibuat di ISDEV**
- **Sekarang: Waitankung, sebab:**
  1. Pengasas Muslim – Hj Ali Chang Chih-Tung
  2. Pergerakan sederhana, tetapi berkesan
  3. Membina "chi" (Vital force/Kekuatan Dalaman)
  4. Meningkatkan imuniti
  5. Menyihatkan organ-organ

# REZEKI

1
- Segala sesuatu dari Allah SWT yang bermanfaat dan yang dihalalkan sama ada yang tangible atau intangible, misalnya:
- Harta & wang
- Makanan
- Pakaian
- Pasangan yang saling menteteramkan
- Keturunan yang saleh dan salehah
- Nikmat sehat, pendengaran, penglihatan
- Dan lain-lain kesemuanya

2



# 8 JENIS REZEKI MENGIKUT AL-QUR'AN

**1- Rezeki Yang Telah Dijamin**
"Tidak ada satu makhluk melata pun yang bergerak di atas bumi ini yang tidak dijamin ALLAH rezekinya."
Surah Hud : 6

**2- Rezeki Kerana Usaha**
"Tidaklah manusia mendapatkan apa-apa kecuali apa yang dikerjakannya."
Surah An-Najm : 39

**3- Rezeki Kerana Bersyukur**
"Sesungguhnya jika kamu bersyukur pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu."
Surah Ibrahim : 7

**4- Rezeki Tidak Terduga**
"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan menjadikan baginya jalan keluar dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangkanya."
Surah At-Thalaq : 2-3

# 8 JENIS REZEKI MENGIKUT AL-QUR'AN

**5- Rezeki Kerana Istighfar**
"Beristighfarlah kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun, pasti Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat, dan memperbanyakkan harta."
Surah Nuh : 10-11

**6- Rezeki Kerana Bernikah**
"Dan nikahlah orang-orang yang masih membujang di antara kamu, dan juga orang-orang yang layak dari hamba sahayamu baik laki-laki dan perempuan. Jika mereka miskin, maka ALLAH akan memberikan kecukupan kepada mereka dengan kurniaNya."
Surah An-Nur : 32

**7- Rezeki Kerana Anak**
"Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut miskin. Kamilah yang akan menanggung rezeki mereka dan juga (rezeki) bagimu."
Surah Al-Israa' : 31

**8- Rezeki Kerana Sedekah**
"Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada ALLAH, pinjaman yang baik (infak & sedekah), maka Allah akan melipatgandakan pembayaran kepadanya dengan lipatan yang banyak."
Surah Al-Baqarah : 245

## KES ISDEV

Akhirat

Akhirat




Urusan Agama

- ❑ Memuliakan Allah & Rasul
- ❑ Menegakkan Islam via ilmu, penghayatan, amalan & tindakan

Urusan Dunia

- ❑ Menegakkan Hablum-minallah & Hablum-minannas dalam segala aspek kehidupan

Akhirat

Akhirat

# Terima Kasih